



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

## **SIARAN MEDIA**

### **PROJEK KAMPUNG ANGKAT MADANI BATU LUKING NAIK TARAF SISTEM BEKALAN AIR BERSIH**

---

**KANOWIT, 24 Mei 2026** – Inisiatif Program Kampung Angkat MADANI adalah usaha bersepadu untuk **merapatkan jurang pembangunan antara bandar dan luar bandar** dengan memberikan fokus kepada **penambahbaikan infrastruktur asas seperti bekalan air bersih, elektrik, jaringan jalan raya, peningkatan capaian digital, pemerksaan komuniti serta pengukuhan sosioekonomi setempat.**

YB Dato Sri Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara semasa menyempurnakan Majlis Pelancaran Projek Kampung Angkat MADANI Batu Luking, Daerah Kanowit menegaskan bahawa pelaksanaan **projek pembinaan Tangki Air Bersih amat penting kerana projek ini melibatkan keperluan asas rakyat** dalam memastikan **akses kepada bekalan air bersih yang mencukupi, stabil dan selamat.**

“Bagi Projek Kampung Angkat MADANI di Batu Luking ini, **sebanyak RM500,000 telah diperuntukkan bagi pelaksanaan beberapa komponen projek pembangunan** yang memberi manfaat terus kepada penduduk setempat. Projek ini melibatkan tiga buah rumah panjang utama iaitu **Rumah Bibi, Rumah Johnny dan Rumah Morris**, yang menjadi antara tumpuan utama pelaksanaan inisiatif pembangunan di kawasan ini” tambah beliau.

Selain itu, pendekatan yang diambil melalui pelaksanaan Program Kampung Angkat MADANI ini jelas membuktikan komitmen kerajaan MADANI yang tegas dan berfokus untuk memastikan **setiap intervensi**

**pembangunan memberi kesan langsung kepada kesejahteraan rakyat dan memastikan tiada komuniti yang tercicir daripada arus pembangunan negara selari dengan aspirasi Matlamat Pembangunan Mampan (SDG), khususnya dalam usaha membasmi kemiskinan, mengurangkan ketidaksamaan dan memastikan pembangunan inklusif untuk semua lapisan masyarakat.**

Pada masa yang sama, Program Kampung Angkat MADANI menunjukkan peningkatan yang ketara dari segi pelaksanaan serta liputan kampung terlibat dengan **43 buah kampung terlibat sebagai fasa permulaan pada tahun 2024** dan jumlah tersebut telah diperluaskan secara signifikan kepada **219 buah kampung pada tahun 2025**. Bagi tahun **2026**, **sasaran peluasan ditetapkan sehingga 500 buah kampung** dengan pendekatan yang lebih agresif termasuk pelaksanaan projek inovatif seperti tenaga solar luar grid bagi kawasan yang memerlukan penyelesaian tenaga alternatif.

**KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA**

24 Mei 2026

KPN.100-9/1/16 ( 51 )

